

## ELEMEN PENGAJARAN SIRAH DI SEKOLAH MENENGAH DENGAN MENGGUNAKAN PENDEKATAN HEUTAGOGI

### *ELEMENTS OF SIRAH TEACHING IN SECONDARY SCHOOLS USING THE HEUTAGOGICAL APPROACH*

Mohammad Dzarul Hafiz Dol Malek<sup>1</sup>  
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain<sup>2</sup>  
Norly Marlia Kamaruddin<sup>3</sup>  
Nur Nadiah Abdul Manap<sup>4</sup>  
Muhammad Fitri Ab Kadir<sup>5</sup>  
Qosrina Abdullah<sup>6</sup>

<sup>1,2,3,4,5,6</sup> Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor, Malaysia

#### Article history

Received date : 10-2-2025  
Revised date : 11-2-2025  
Accepted date : 19-3-2025  
Published date : 27-3-2025

#### To cite this document:

Dol Malek, M. D. H., Ajmain @ Jima'ain, M. T., Kamaruddin, N. M., Abdul Manap, N. N., Ab Kadir, M. F., & Abdullah, Q. (2025). Elemen pengajaran sirah di sekolah menengah dengan menggunakan Pendekatan Heutagogi. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*,10 (71), 468-479.

**Abstrak:** Artikel ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis elemen-elemen utama dalam pengajaran Sirah di sekolah menengah menggunakan pendekatan heutagogi. Sebagai pendekatan pembelajaran sendiri yang menekankan keupayaan pelajar untuk mengurus pembelajaran mereka sendiri, heutagogi telah dikenalpasti sebagai kaedah yang relevan untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap Sirah dan aplikasinya dalam kehidupan harian secara mandiri. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif iaitu merujuk dapatan daripada pencarian di perpustakaan. Hasil dapatan mendapati enam elemen utama yang menjadi teras dalam pendekatan ini, iaitu meneroka, mencipta, bekerjasama, berhubung, berkongsi dan refleksi. Elemen meneroka melibatkan pelajar dalam proses penyelidikan sendiri terhadap kisah-kisah Sirah, manakala elemen mencipta memberi peluang kepada pelajar untuk menghasilkan kandungan yang kreatif dan bermakna berdasarkan pemahaman mereka. Bekerjasama pula menekankan interaksi kumpulan untuk meningkatkan kefahaman melalui diskusi dan aktiviti bersama, sementara elemen berhubung membolehkan pelajar berhubung dengan individu serta maklumat diluar bilik darjah serta mengaitkan pembelajaran Sirah dengan kehidupan mereka secara praktikal. Berkongsi memfokuskan kepada penyampaian pengetahuan dan pengalaman, manakala refleksi memberikan ruang kepada pelajar untuk menilai dan memperbaiki kefahaman serta sikap mereka terhadap nilai-nilai Sirah. Penemuan ini menunjukkan bahawa integrasi elemen-elemen tersebut dalam pengajaran Sirah berpotensi bukan sahaja untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran tetapi juga untuk membentuk pelajar yang lebih berdikari, berdaya kreatif dan bermotivasi. Diharapkan artikel ini dapat memberi input tambahan agar pendekatan heutagogi boleh diterapkan dalam sistem

pendidikan Malaysia di masa akan datang untuk menyokong pembangunan holistik pelajar di sekolah menengah.

**Kata Kunci:** *Heutagogy, Pendidikan Sirah, Sekolah Menengah*

**Abstract:** *This article aims to examine and analyze the key elements in the teaching of Sirah in secondary schools using the heutagogy approach. As a self-directed learning approach that emphasizes students' ability to manage their own learning, heutagogy has been identified as a relevant method to enhance students' understanding of Sirah and its application in daily life. A literature review has identified six key elements that form the foundation of this approach: exploring, creating, collaborating, connecting, sharing, and reflecting. The exploring element involves students in self-research on Sirah stories, while the creating element provides opportunities for students to produce creative and meaningful content based on their understanding. Collaboration emphasizes group interaction to enhance comprehension through discussions and joint activities, whereas the connecting element enables students to engage with individuals and information beyond the classroom, linking Sirah learning to their practical lives. The sharing element focuses on the dissemination of knowledge and experiences, while reflection provides students with the space to assess and improve their understanding and attitudes towards Sirah values. These findings suggest that integrating these elements into Sirah teaching has the potential not only to improve learning effectiveness but also to develop more independent, creative, and motivated students. It is hoped that this article will provide additional insights to facilitate the implementation of the heutagogy approach in Malaysia's education system in the future, supporting the holistic development of secondary school students.*

**Keyword:** *Heutagogy, Sirah Education, Secondary School*

---

## Pendahuluan

Teori dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah berkembang dengan pesat dalam beberapa tahun ini, terutamanya dengan pengenalan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) yang menggabungkan teknologi dalam penyampaian pelajaran dan memudahkan pelajar di dalam bilik darjah, bahkan asbab kehadiran Covid19 yang menyebabkan banyak pembelajaran melalui medium media dan berpusatkan pelajar. Pelajar tidak lagi terhad kepada persekitaran guru - pelajar kerana pengetahuan kini boleh diakses secara meluas dan mudah melalui teknologi serta pembelajaran secara sendiri oleh pelajar.

Apabila pembelajaran berpaling daripada norma pedagogi, satu teori baru muncul yang merupakan sambungan kepada teori andragogi. Teori ini merupakan perkembangan daripada pembelajaran sendiri di mana pelajar mempunyai kawalan autonomi terhadap pembelajaran mereka sendiri dari segi apa yang perlu dipelajari dan bagaimana cara untuk mempelajarinya. Stewart Hase dan Chris Kenyon (2001) telah mencipta istilah bagi teori ini sebagai heutagogy, yang menggambarkan sebarang jenis pembelajaran yang berlaku ditentukan oleh pelajar itu sendiri. Ia memerlukan autonomi pelajar dan dikawal guru beserta modul pembelajaran (Canning, 2010). Hal ini selaras dengan isu pandemik yang telah memberi impak kepada sistem pendidikan di seluruh dunia. Bagi menghentikan penularan virus Covid-19, kelas dijalankan melalui cara dalam talian di mana kuasa guru mengawal keadaan kelas sudah berkurang. Putri

dan Handayani (2020) menyatakan bahawa pendekatan heutagogi mungkin menjadi keperluan yang perlu diberi perhatian terutama dalam era pembelajaran dalam talian.

Memandangkan heutagogi memberi kebebasan kepada pelajar untuk menentukan cara pembelajaran mereka sendiri, mereka perlu terlibat secara kreatif dalam melaksanakan pelajaran agar objektif pembelajaran dapat dicapai. Su (2009) menyatakan bahawa menjadi kreatif sejajar dengan keupayaan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang dalam kes ini adalah silibus pelajaran itu sendiri. Hal ini tidak hanya memberikan kuasa kepada pelajar untuk mengarah dan memilih pengalaman pembelajaran yang bermakna tetapi juga mencipta pelajaran yang ditumpukan kepada keperluan khusus pelajar terutama semasa pandemik di mana interaksi dengan guru sangat berkurang (Putri dan Handayani, 2020).

### **Pernyataan Masalah**

Salah satu isu utama dalam pengajaran Sirah ialah pendekatan yang terlalu berpusat kepada guru dan berbentuk naratif tanpa menggalakkan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar (Talhah Ajmain et al., 2024). Dalam sistem pendidikan tradisional, guru menjadi sumber utama dalam menyampaikan maklumat, manakala pelajar hanya berperanan sebagai penerima pasif. Kajian mendapati bahawa pelajar kurang diberikan kebebasan untuk meneroka sendiri maklumat berkaitan Sirah, menyebabkan mereka kurang berminat dan sukar untuk mengaitkan pembelajaran dengan kehidupan harian mereka (Nur Adibah Liyana & Hafizah, 2020).

Selain itu, kelemahan pedagogi dalam pengajaran Sirah turut menjadi cabaran utama. Kajian oleh Talhah Ajmain et al. (2024) menunjukkan bahawa kebanyakan guru Pendidikan Islam masih menggunakan pendekatan tradisional yang menekankan hafalan fakta tanpa memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka dan memahami konsep Sirah secara mendalam. Hal ini menyebabkan pelajar tidak dapat mengembangkan pemikiran kritis dan reflektif yang diperlukan untuk mengaplikasikan nilai-nilai Sirah dalam kehidupan seharian mereka. Di samping itu, kurangnya integrasi teknologi dalam pengajaran Sirah turut menyumbang kepada isu ini. Kajian oleh Siti Fatimah Mohd Rum et al. (2022) mendapati bahawa penggunaan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran Sirah di peringkat KAFAs membantu meningkatkan pemahaman dan motivasi pelajar. Namun, kebanyakan sekolah masih bergantung kepada kaedah konvensional yang tidak menggalakkan pembelajaran sendiri. Pendekatan heutagogi, yang memberi penekanan kepada pembelajaran sendiri dan kendali pelajar, boleh menjadi penyelesaian kepada isu ini kerana ia membolehkan pelajar meneroka bahan pembelajaran secara interaktif dan menghubungkannya dengan pengalaman mereka sendiri (Noraziah Mhd Yusop et al., 2022).

Selain itu, kekangan masa dalam kurikulum juga menjadi cabaran dalam pembelajaran Sirah. Kajian oleh Mada Wijaya Kusumah et al. (2023) menunjukkan bahawa pembelajaran Sirah di sekolah menengah hanya diberikan ruang yang sangat terhad dalam sukatan pelajaran, menyebabkan guru terpaksa mengajar secara ringkas tanpa memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka secara mendalam. Hal ini menyebabkan pelajar tidak mendapat kefahaman yang menyeluruh tentang perjalanan hidup Rasulullah SAW dan nilai-nilai yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Satu lagi cabaran besar ialah tahap literasi digital pelajar dan guru yang berbeza-beza dalam penggunaan teknologi pendidikan. Kajian oleh Erman Hamid et al. (2021) mengenai pengajaran Sirah secara dalam talian semasa PKP mendapati bahawa pelajar mengalami kesukaran untuk fokus dan memahami pelajaran akibat gangguan persekitaran dan masalah akses internet. Ini menunjukkan keperluan untuk

pendekatan heutagogi, di mana pelajar diberi kebebasan untuk mengakses pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja berdasarkan keperluan dan tahap pemahaman mereka.

Isu-isu dalam pengajaran Sirah yang dinyatakan di atas membawa kepada satu permasalahan besar, iaitu keperluan untuk beralih daripada pendekatan pedagogi dan andragogi kepada heutagogi. Menurut kajian oleh Talhah Ajmain et al. (2024), sistem pendidikan Sirah yang masih bersifat tradisional gagal membangunkan kemahiran pemikiran aras tinggi dalam kalangan pelajar, sedangkan pendekatan heutagogi mampu membolehkan mereka menjadi lebih reflektif, kritis, dan berdikari dalam pembelajaran.

Selain itu, kekurangan strategi pembelajaran yang berpusat kepada pelajar menyebabkan mereka kurang menghayati nilai-nilai Sirah dalam kehidupan harian (Nidzamuddin Zakaria et al., 2019). Pendekatan heutagogi, yang menekankan kebebasan dan pembelajaran sepanjang hayat, dapat membantu pelajar membina kefahaman yang lebih mendalam tentang Sirah serta mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Tambahan pula, kajian oleh Talhah Ajmain et al. (2024) mendapati bahawa tahap pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran Sirah masih berada pada tahap sederhana dan kurang berstruktur. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar tidak diberikan ruang yang mencukupi untuk meneroka Sirah secara kritikal dan reflektif. Dengan mengadaptasi pendekatan heutagogi, pelajar boleh didorong untuk mencari maklumat sendiri, menganalisis peristiwa dalam Sirah, dan mengaitkannya dengan cabaran semasa.

Kesimpulannya, pendekatan heutagogi sangat diperlukan dalam pembelajaran Sirah bagi mengatasi isu-isu seperti kurangnya pembelajaran sendiri, pedagogi yang tidak efektif, kurang integrasi teknologi, serta cabaran dalam penyampaian kurikulum. Dengan pendekatan ini, pelajar dapat menjadi lebih berdikari dalam mencari ilmu, memahami konteks Sirah secara lebih mendalam, dan mengaplikasikan nilai-nilai Rasulullah SAW dalam kehidupan mereka.

### **Pembelajaran Secara Heutagogi**

Pendekatan PdP yang menekankan pada pembelajaran secara heutagogi akan mendorong pelajar untuk mengambil peranan dalam menentukan pembelajaran mereka (Rezki Perdani Sawai, 2021). Hal ini adalah strategi pengajaran berpusatkan pelajar yang menekankan pengembangan autonomi, keupayaan, dan kemampuan pelajar. Dalam era digital ini, penting bagi pelajar untuk memiliki kemahiran pembelajaran arahan sendiri (self-directed learning skills) untuk merancang, mengembangkan, menyesuaikan, dan mengubah maklumat agar selaras dengan masyarakat digital, interaktif, dan global (Rezki Perdani Sawai, 2021).

Dengan menggunakan pendekatan heutagogi ini dapat menggalakkan tindakan dan penglibatan pelajar dalam proses PdP, termasuk memberi peluang kepada pelajar untuk menentukan dan mengurus sendiri pentaksiran pembelajaran mereka. Ini dapat membantu murid menjadi lebih berdikari dan bertanggungjawab atas pembelajaran mereka, yang merupakan kemahiran penting dalam tenaga kerja masa kini (Noor Muslieah Mustafa Kamal *et al.*, 2022). Hal ini di sokong oleh Eka (2023) di mana heutagogi dapat meningkatkan motivasi, keterlibatan pelajar, boleh berdikari, dan kreativiti pelajar dalam pembelajaran justeru menjadikan pendekatan ini sangat relevan dan bermanfaat dalam konteks pendidikan masa kini yang memerlukan individu yang mampu belajar secara berterusan sepanjang hayat.

Dalam konteks pendidikan Sirah, heutagogi dapat diterapkan untuk mendapatkan pemahaman pelajar tentang sejarah dan perjalanan hidup Nabi Muhammad SAW. Melalui heutagogi, pelajar didorong untuk meneroka, mencipta, berkolaborasi, dan merefleksi maklumat yang di perolehi (Noor Muslieah Mustafa Kamal *et al.*, 2022). Pelajar meneroka berbagai sumber teknologi maklumat tentang Sirah bagi menambahkan ilmu pengetahuan mereka, dalam masa yang sama mencipta projek dan dibentangkan kepada pelajar lain dapatan daripada hasil carian yang dapat menggambarkan aspek tertentu dari Sirah berdasarkan pemahaman mereka. Tambahan pula, pelajar akan bekerjasama membandingkan pemahaman tentang Sirah masing-masing. Hasilnya, pelajar merefleksi pelajaran yang dapat diambil dari Sirah Rasulullah SAW dan menghubungkan dengan kehidupan mereka untuk dijadikan teladan. Pendekatan heutagogi dalam pendidikan Sirah memungkinkan pelajar untuk belajar secara sendiri, meningkatkan kreativiti, dan motivasi dalam belajar, yang pada akhirnya memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan relevan (Mohamad Syafiq Zuhaili *et al.*, 2023).

Semasa proses PdP secara heutagogi berlangsung, penglibatan teknologi dapat membantu GPI dalam menguruskan pelajar dengan lebih efisien. Dapatan kajian daripada Noor Muslieh *et al.*, (2022) menyatakan bahawa penggunaan teknologi merupakan penyokong kepada proses PdP. Tambahan pula, revolusi industri 4.0 menggalakkan semua bidang pekerjaan untuk memanfaatkan kemajuan dalam teknologi digital dan elektronik, termasuk dalam bidang Pendidikan Islam. (Assegaf, 2020). Namun, isunya adalah terdapat GPI yang tidak mahir dalam menggunakan teknologi yang sedia ada. Dapatan kajian mendapati, GPI yang telah berkhidmat lebih 10 tahun mempunyai kelemahan dalam menggunakan teknologi dalam PdP (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi *et al.*, 2020) dan ini adalah isu yang besar kerana GPI ini adalah pakar dalam bidang mereka kerana telah berkhidmat lebih 5 tahun. Hal ini disokong oleh Nur Adibah Liyana Awi *et al.*, (2021) di mana kekangan dalam melaksanakan PAK-21 adalah penguasaan kemahiran menggunakan teknologi dan maklumat dalam kalangan GPI masih dalam tahap yang lemah dan ini menjurus kepada pendekatan PdP secara tradisional yang lebih selesa bagi GPI tersebut. Dengan penguasaan teknologi oleh GPI dilihat dapat melancarkan proses PdP secara heutagogi serta meluaskan lagi pengetahuan pelajar terhadap Pendidikan Sirah.

Melaksanakan PdP secara heutagogi ini sudah pasti memerlukan pendekatan PdP yang berbeza. PdP itu sendiri haruslah mempunyai penambahbaikan dan mungkin perubahan secara separa malah menyeluruh. Dengan ini, wujud model Pendidikan Sirah baharu antaranya Model Sistematis Pembelajaran Aktif (Noraziah *et al.*, 2019), Model Pembelajaran Sirah berasaskan Projek (PBL) dan Gamifikasi (Fathi & Khadijah, 2021), Model pembelajaran Sirah Fan-N-Pick, serta Model pembelajaran sirah mind-mapping (Ahmad Fauzi, 2017). Wujudnya model-model ini dapat membantu GPI melaksanakan PdP secara heutagogi dengan lebih bertujuan bagi meningkatkan tumpuan kepada kognitif pelajar, melahirkan pelajar yang berkemahiran berfikir aras tinggi dan dapat dilihat secara intelek dalam kalangan pelajar apabila diuji kefahaman terhadap isi pembelajaran. Dengan ini, kajian dalam menghasilkan model pembelajaran Sirah ini perlu diteruskan dan diperbanyakkan bagi menguatkan sistem PdP Pendidikan Sirah dengan menggunakan pendekatan heutagogi.

Tidak dinafikan bahawa pembelajaran Sirah dengan menggunakan pendekatan heutagogi ini masih berada dalam peringkat awal. Terdapat segelintir GPI yang belum didedahkan dengan pendekatan baharu ini (Noor Muslieah Mustafa Kamal *et al.*, 2022) dan perlaksanaannya masih belum jelas (Chan *et al.*, 2019). Tambahan pula dengan perkembangan teknologi pada era ini yang berlaku begitu pantas membuatkan sebilangan besar GPI tidak dapat mengadaptasi



perubahan ini (Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi *et al.*, 2020) dan selesai dengan pendekatan PdP yang berpusatkan guru (Nur Adibah Liyana Awi *et al.*, 2021). Dengan ini, kajian mengenai Pendidikan Sirah ini dapat membantu GPI dalam menaik taraf PdP yang dijalankan dengan adanya model pembelajaran yang boleh diikuti.

Berdasarkan isu dan cabaran yang telah di bincangkan, proses PdP dengan pendekatan heutagogi ini terdapat beberapa isu diantaranya adalah pemahaman dan pelaksanaan heutagogi di sekolah tidak jelas dalam kalangan GPI (Noor Muslieah Mustafa Kamal *et al.*, 2022, Preece & Hamed., 2020, Chan *et al.*, 2019); kelemahan penguasaan teknologi semasa PdP dijalankan (Nur Adibah Liyana Awi *et al.*, 2021, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi *et al.*, 2020); dan kekurangan panduan dan model Pendidikan Sirah dengan pendekatan heutagogi; maka pengkaji membuat keputusan untuk mendalami kajian berkenaan pembelajaran Sirah yang berasaskan autonomi pelajar, heutagogi ini yang memfokuskan kepada meneroka elemen pembelajaran sirah berasaskan heutagogi dalam kalangan GPI.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian perpustakaan dengan meneliti sumber sekunder seperti jurnal akademik, buku, dan laporan penyelidikan. Tinjauan literatur dilakukan melalui pangkalan data seperti Google Scholar, Scopus, dan MyCite, menggunakan kata kunci yang relevan untuk mendapatkan kajian yang berkaitan. Artikel yang diperoleh dinilai berdasarkan tajuk, abstrak dan kandungan sebelum dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti persamaan, perbezaan serta jurang kajian. Pendekatan ini membolehkan kajian merumuskan konsep yang jelas serta menyumbang kepada perkembangan dalam bidang heutagogi Sirah.

### Perbincangan

Definisi Heutagogi adalah pendekatan pembelajaran yang menekankan autonomi pelajar, membolehkan pelajar memilih apa dan bagaimana mereka belajar (Hase, S., & Kenyon, C. 2000; Ashton, S., & Newman, L. 2006; Canning, N. 2010; Blaschke, L. M. 2012; Moh. Solehuddin, 2022; Noor Muslieah *et al.*, 2022). Antara yang ditekankan dalam pelaksanaan heutagogi adalah PdP berpusatkan kepada pelajar dan pembelajaran sendiri pelajar bersama elemen-elemen penting dalam melaksanakan PdP secara heutagogi ini.

Pembelajaran berpusatkan pelajar adalah pendekatan yang menekankan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran. Pelajar diberi tanggungjawab lebih besar dalam menguruskan dan mengarahkan pembelajaran mereka sendiri (Weimer, 2013). PdP berpusatkan pelajar bukan sahaja meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar tetapi juga membantu dalam pengembangan kemahiran berfikir aras tinggi, seperti pemikiran kritis dan penyelesaian masalah (Prince, 2004; Norlidah *et al.*, 2017). Apabila pelajar diberi peluang untuk meneroka, bertanya soalan, dan bekerja secara kolaboratif, mereka lebih cenderung untuk memahami dan mengaplikasikan konsep-konsep yang dipelajari dengan lebih mendalam. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dalam melaksanakan PdP berpusatkan pelajar ini. Antaranya adalah kekurangan latihan dan sokongan kepada guru, serta kekangan masa dan sumber (Noor Hisham *et al.*, 2016). Guru perlu diberi latihan yang lengkap untuk mengadaptasi pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk pelajar. Dalam hal ini, kajian mengenai strategi heutagogi dalam elemen pengajaran sirah sekolah menengah adalah perlu agar menjadi pemula bagi mewujudkan model pembelajaran sirah secara heutagogi.

Elemen-elemen heutagogi yang dikemukakan oleh Blaschke dan Hase (2016) adalah meneroka, mencipta, kerjasama, berhubung, merefleksi, dan berkongsi. Dengan adanya keenam elemen ini dalam pendekatan heutagogi, proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan mampu memupuk kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (Green & Schlairet, 2017; Blaschke, 2012). Pendekatan heutagogi menekankan pada peranan aktif pelajar dalam proses pembelajaran, yang melibatkan mereka dalam mengemudi dan mengawal pengalaman pembelajaran mereka sendiri. Hal ini berbeza dengan pendekatan tradisional yang lebih menekankan peranan guru sebagai pusat pembelajaran. Elemen-elemen heutagogi ini memperkuat proses pembelajaran sepanjang hayat dengan memberikan penekanan pada penjelajahan (meneroka) konsep dan pengetahuan (Norazman Alias *et al.*, 2020), penggunaan kreatif (mencipta) maklumat yang dipelajari (Nurul Aisyah *et al.*, 2019), kerjasama (kolaborasi) dengan rakan sebaya dan sumber-sumber lain (Nurul Aisyah Kamrozzaman *et al.*, 2019), penyelarasan (berhubung) antara pengetahuan baru dengan pengetahuan sedia ada (Raja Abdullah *et al.*, 2018), refleksi (merefleksi) terhadap pengalaman pembelajaran (Ruzainim *et al.*, 2021), dan pembahagian (berkongsi) pengetahuan dengan orang lain (Mimi Mohaffyza Mohamad *et al.*, 2020). Dengan menggunakan elemen-elemen heutagogi ini, pembelajaran menjadi lebih berpusatkan pelajar, memberi mereka lebih banyak kawalan terhadap proses pembelajaran mereka sendiri. Hal ini akan dapat membantu dalam memupuk kemahiran pembelajaran sepanjang hayat didalam pendidikan Sirah, yang merupakan keperluan penting dalam mengubah sosial pelajar kearah yang lebih baik.

### 1. Elemen Meneroka

Elemen meneroka dalam heutagogi berfokus kepada proses mencari dan memperoleh pengetahuan dari pelbagai sumber seperti buku, guru, pakar, dan portal maklumat dalam talian. Guru Pendidikan Sirah boleh mengaplikasikan elemen ini dalam pengajaran mereka dengan menggalakkan pelajar untuk meneroka maklumat dan kemahiran baru sebagai cara untuk mempersiapkan mereka menghadapi cabaran pendidikan pada abad ke-21. Elemen meneroka sering menjadi contoh kepada pembelajaran nonlinear (Ruzainim *et al.*, 2021).

Kajian daripada Noor Muslieah *et al.*, (2022) mengenai pelaksanaan elemen meneroka dalam pengajaran guru pendidikan Islam di sekolah menengah, Guru memberikan tugas sebagai rangsangan untuk usaha penerokaan pelajar dalam pembelajaran. Pelajar pula menunjukkan inisiatif dan kemahuan sendiri dalam penerokaan ilmu, yang mencerminkan pembelajaran sendiri. Tambahan pula, penggunaan teknologi seperti internet memudahkan penerokaan ilmu dengan lebih cepat dan mudah. Dalam masa yang sama, penggunaan media sosial seperti Twitter, Facebook, dan Instagram membolehkan pelajar mencari pakar dan komuniti pembelajaran secara global (Ruzainim *et al.*, 2021). Elemen meneroka ini penting kerana ia membantu pelajar mengembangkan pengetahuan mereka dan mendukung pembelajaran sepanjang hayat.

### 2. Elemen Mencipta

Elemen mencipta dalam heutagogi melibatkan kreativiti dan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pelajar. Guru Pendidikan Islam dapat menggalakkan elemen penciptaan dengan mendorong pelajar untuk mengambil bahagian dalam pertandingan inovasi dan menghasilkan produk berkaitan pembelajaran. Dalam pendekatan Heutagogi, murid diberi kebebasan untuk menentukan kandungan dan aktiviti pembelajaran, yang memupuk kreativiti dan inovasi (Noor Muslieah *et al.*, 2022). Dengan terlibat dalam aktiviti kreatif, pelajar dapat mengembangkan kemahiran berfikir kreatif mereka dan meningkatkan penguasaan

pengetahuan serta kebolehan kognitif mereka. Mencipta bahan pembelajaran yang menarik dan menarik juga dapat menarik minat pelajar dan mendorong penyertaan aktif dalam perjalanan pembelajaran mereka.

Elemen mencipta juga dapat dipupuk melalui penggunaan teknologi, seperti membuat persembahan multimedia atau menggunakan alat digital untuk projek kolaboratif. Teknologi menggalakkan pelajar untuk mencipta bahan pelajaran yang interaktif dan menarik, seperti pembentangan menggunakan perisian seperti Google Slide atau Microsoft Power Point (Ruzainim *et al.*, 2021, Noor Muslieah *et al.*, 2022). Penggunaan media sosial secara aktif memberikan peluang kepada pelajar untuk mencipta ruang pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar (Ruzainim *et al.*, 2021). Hal ini tidak hanya memberikan peluang kepada pelajar untuk menyelami isu-isu pembelajaran secara lebih mendalam tetapi juga memperluaskan pengalaman pembelajaran mereka melalui medium yang berbeza. Dengan adanya elemen mencipta dalam proses pengajaran dan pembelajaran didalam pendidikan Sirah, guru Pendidikan Islam dapat membantu pelajar mengembangkan keterampilan yang relevan dengan keperluan semasa dan masa depan, serta mempersiapkan mereka untuk menjadi individu yang kreatif, inovatif, dan berdaya saing dalam masyarakat yang semakin kompleks.

### 3. Elemen Kerjasama

Kerjasama adalah elemen penting dalam heutagogi, di mana pelajar secara aktif terlibat dalam aktiviti kolaboratif dan bekerjasama untuk mencapai matlamat pembelajaran. Guru Pendidikan Islam boleh menerapkan elemen kerjasama dengan menggalakkan pelajar untuk mengambil bahagian dalam perbincangan kumpulan, projek kumpulan, dan aktiviti pembelajaran rakan sebaya. Hal ini akan memberi impak kepada pelajar di mana, pelajar lebih proaktif dalam menguruskan bahan pelajaran serta mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran secara dalam talian (Mohd Firdaus Yahaya *et al.*, 2021) dan juga di sokong oleh Hotimah *et al.*, (2021) dimana pelajar dapat bekerjasama dengan rakan sebaya mereka dalam mengembangkan ilmu pelajaran. Dengan adanya elemen kerjasama di dalam Pdp Pendidikan Sirah ini membolehkan pelajar berkongsi idea, perspektif, dan pengetahuan, memupuk pemahaman yang lebih mendalam terhadap Sirah Rasulullah SAW dan akhirnya dapat mengembangkan kemahiran penting seperti komunikasi, kerja berpasukan, dan penyelesaian masalah, yang penting untuk kerjaya masa depan mereka.

Elemen kerjasama dalam konteks Heutagogi ditekankan sebagai alat dalam proses pembelajaran, khususnya dalam pembelajaran berkumpulan. Kerjasama membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dan pandangan yang berbeza-beza semasa proses pembelajaran (Ruzainim *et al.*, 2021). Aktiviti kerjasama juga mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif, di mana pelajar dapat belajar dari pengalaman masing-masing dan perspektif yang pelbagai. Hal ini tidak hanya memperkukuhkan pemahaman mereka terhadap subjek yang dipelajari, dalam masa yang sama dapat juga membantu dalam membangunkan empati dan toleransi terhadap pandangan yang berbeza. Kerjasama ini juga membolehkan pelajar memperluaskan rangkaian perkenalan dan sumber pengetahuan, serta membina persefahaman yang baik antara satu sama lain (Noor Muslieah *et al.*, 2021). Dengan ini, elemen Kerjasama amatlah penting dalam melaksanakan Pdp pendidikan Sirah dengan pendekatan heutagogi.

### 4. Elemen Berhubung

Hubungan adalah elemen penting dalam heutagogi, menekankan keperluan pelajar untuk menjalin hubungan dan terlibat dengan pelbagai sumber dan individu dalam proses



pembelajaran. Guru Pendidikan Islam boleh menggalakkan hubungan dengan mendorong pelajar untuk meneroka dan menggunakan sumber maklumat yang berbeza, seperti buku, portal maklumat, dan internet. Peranan guru dalam elemen berhubung juga membantu pelajar untuk lebih efisien mengamalkan pelajaran secara sendiri. GPI akan menggalakkan pelajar untuk lebih mendengar dan memahami. Pelajar didorong untuk mendengar dan mempertimbangkan idea-idea orang lain, yang membina keyakinan diri dan kemahiran komunikasi (Noor Muslieah *et al.*, 2022). Hubungan juga melibatkan pelajar yang aktif mengambil bahagian dalam perbincangan, berkongsi idea mereka, dan menerima maklum balas daripada orang lain dan dengan adanya elemen berhubung akan memperkuatkan lagi hubungan antara pelajar, guru dan juga ilmu (Nurul Aisyah *et al.*, 2019). Hal ini tidak hanya meningkatkan motivasi pelajar melalui persekitaran pembelajaran, tetapi juga merencanakan pembelajaran dengan membolehkan perkongsian idea, mendapatkan maklum balas, dan menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar.

Teknologi memainkan peranan penting dalam memupuk hubungan, kerana ia membolehkan pelajar mengakses maklumat dan berhubung dengan pakar dan komuniti dengan lebih mudah. Dengan mempromosikan hubungan, pelajar dapat mengembangkan pengetahuan mereka, memperoleh perspektif yang berbeza, dan mengembangkan rasa kepunyaan dan penglibatan dalam perjalanan pembelajaran mereka. Dalam masa yang sama, GPI juga digalakkan untuk berhubung dengan para pelajar dengan menggunakan teknologi yang ada. Dengan ini dapat memudahkan hubungan antara GPI dan pelajar, tanpa mengira masa dan tempat, memperluas jaringan hubungan mereka (Nadia Abdul *et al.*, 2017). Hubungan yang dibina melalui proses heutagogi juga membantu pelajar untuk melihat pembelajaran sebagai satu pengalaman yang berterusan dan terintegrasi, di mana mereka dapat terus berhubung dengan sumber-sumber pembelajaran. Dengan ini, elemen Berhubung juga penting untuk digunakan dalam PdP Pendidikan Sirah bagi menjayakan PdP secara heutagogi ini.

### 5. Elemen Refleksi

Refleksi juga antara elemen utama dalam heutagogi, di mana pelajar digalakkan untuk membuat kesimpulan terhadap pembelajaran mereka dan memberikan cadangan penambahbaikan terhadap PdP yang dijalankan. Bagi GPI pula, akan dapat merefleksi PdP yang di jalankan dengan memberi peluang kepada pelajar untuk menganalisis pembelajaran mereka secara kritis, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, dan menetapkan matlamat untuk penambahbaikan dalam PdP pendidikan Sirah. GPI menerima maklum balas daripada pelajar mengenai kaedah pengajaran, yang memungkinkan guru untuk memperbaiki cara mengajar mereka (Noor Muslieah *et al.*, 2022). Refleksi dapat dijalankan melalui aktiviti seperti penilaian diri dan perbincangan kumpulan di mana pelajar berkongsi pandangan dan perspektif mereka terhadap apa yang dipelajari dalam pendidikan Sirah. Pelajar membuat refleksi terhadap pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari melalui pengalaman aktiviti yang dijalankan (Noor Muslieah *et al.*, 2022).

Dengan melibatkan diri dalam refleksi, pelajar mengembangkan kemahiran metakognitif, menjadi lebih menyedari diri tentang proses pembelajaran mereka, dan meningkatkan kemampuan mereka untuk memindahkan pengetahuan berkenaan Sirah Rasulullah SAW ke situasi kehidupan yang sebenar. Pelajar melakukan penilaian terhadap hasil kerja dan pembentangan sesama mereka dan ini membantu pelajar mengenal kelemahan diri dan meningkatkan persaingan yang positif antara pelajar (Noor Muslieah *et al.*, 2022). Melalui refleksi, pelajar dapat mengenal pasti strategi pembelajaran yang berkesan, menilai pencapaian

mereka, dan merancang langkah seterusnya untuk meningkatkan prestasi mereka. Hal ini membantu mereka menjadi pelajar yang lebih bertanggungjawab dan proaktif semasa PdP pendidikan Sirah dijalankan. Maklum balas dari pelajar digunakan sebagai cara untuk menilai tahap penguasaan mereka dan sebagai peluang untuk guru memperbaiki kaedah pengajaran (Noor Muslieah *et al.*, 2022). Dengan demikian, refleksi bukan hanya membantu dalam pengukuhan pembelajaran Pendidikan Sirah, tetapi juga memupuk sikap pembelajaran sepanjang hayat yang berpandukan Sirah Rasulullah SAW.

## 6. Elemen Berkongsi

Pendekatan heutagogi dalam pendidikan Islam menekankan elemen-elemen berkongsi yang memberi penekanan kepada kerjasama, dialog, dan pengalaman pembelajaran aktif. Elemen kerjasama menjadi elemen penting dalam proses pembelajaran dengan pendekatan heutagogi. Pelajar diberi peluang untuk berinteraksi secara aktif dengan sesama mereka, guru, dan sumber pembelajaran. Hal ini membolehkan mereka untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman, dan pandangan mereka tentang Sirah. Pelajar membuat pembentangan di dalam kelas sebagai cara perkongsian ilmu, yang menggalakkan penglibatan mereka dalam pembelajaran (Noor Muslieah *et al.*, 2022). Melalui elemen berkongsi, pelajar dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang Sirah Rasulullah dan menerapkannya dalam kehidupan sehari-hari. Pelajar didorong untuk terlibat dalam perbincangan terbuka dan berfikiran kritis tentang Sirah. Hal ini melibatkan bertukar pendapat, bertanya soalan, dan mencari jawapan bersama-sama.

Platform media sosial seperti TikTok, Instagram, Twitter, dan YouTube digunakan oleh murid untuk berkongsi bahan pelajaran dan membuka jaringan hubungan yang lebih luas (Noor Muslieah *et al.*, 2022). Melalui Kerjasama pelajar dapat membina pemahaman yang mendalam tentang Sirah Rasulullah SAW, mengembangkan pemikiran kritis yang matang, dan menghayati perjalanan kehidupan Rasulullah SAW dengan lebih bermakna. Pelajar juga dapat membuat perkongsian hasil kerja atau produk kepada orang luar dengan menyertai pertandingan inovasi berkaitan bahan bantu untuk belajar. Hal ini menggalakkan pembelajaran sambil meningkatkan penguasaan subjek (Noor Muslieah *et al.*, 2022). Dengan ini, dengan adanya elemen berkongsi di dalam PdP pendidikan Sirah akan membantu pelaksanaan PdP dengan menggunakan pendekatan heutagogi.

## Kesimpulan

Pendekatan heutagogi dalam pengajaran Sirah di sekolah menengah memberikan peluang yang signifikan untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Dengan menekankan pembelajaran sendiri, pelajar diberi ruang untuk meneroka, mencipta, dan bekerjasama dalam menghubungkan kisah-kisah Sirah dengan kehidupan mereka secara relevan. Elemen-elemen seperti refleksi sendiri, berhubung dengan individu serta maklumat diluar bilik darjah, dan berkongsi kepada raka-rakan menjadi pemangkin dalam memperkukuhkan kefahaman pelajar terhadap nilai-nilai yang terkandung dalam Sirah.

Selain itu, pendekatan ini selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menekankan kemahiran insaniah seperti pemikiran kritis, kreativiti, dan komunikasi. Melalui penerapan heutagogi, pelajar bukan sahaja memahami kandungan Sirah tetapi juga mampu menginternalisasi dan mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Oleh itu, pendekatan heutagogi dalam pengajaran Sirah dapat dijadikan satu strategi efektif untuk membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga mempunyai jati diri yang kukuh sebagai Muslim yang berwawasan.

## Rujukan

- Adibah Liyana, N., & Hafizhah, Z. (2020). *Kaedah Fan-N-Pick dalam pembelajaran Sirah Pendidikan Islam*. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education, 4(2), 61-69.
- Awi, N. A. L., & Zulkifli, H. (2020). *Kaedah Fan-N-Pick dalam pembelajaran sirah pendidikan islam*. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education, 4(2), 61-69.
- Bandler, R., & Grinder, J. (1975). *The Structure of Magic I: A Book About Language and Therapy*. Science and Behavior Books.
- Canning, N. (2010). *Playing with heutagogy: exploring strategies to empower mature learners in higher education*. Journal of Further and Higher Education, 34(1), 59-71.
- Darling-Hammond, L., Wei, R. C., Andree, A., Richardson, N., & Orphanos, S. (2017). *Professional Learning in the Learning Profession: A Status Report on Teacher Development in the United States and Abroad*. Stanford University.
- Elliott, J. (2013). *Reflecting where the action is: Teacher research and the politics of pedagogy*. Routledge.
- Erman Hamid, E., Norharyati Harum, N., Nazrulazhar Bahaman, N., Nor Azman Mat Ariff, N., Mohd Zaki Mas'ud, M., & Noraswaliza Abdullah, N. (2021). *The effectiveness of online teaching and learning for Sirah's subject in SRA JAIM Limbongan Melaka during the movement control order*. Proceedings of Innovative Teaching and Learning Research Day 2021, 9 December 2021.
- Fatimah Mohd Rum, S., Basri, N., & Dahlan, A. (2022). *Sirah learning mobile application for Kafa primary school students: A preliminary study*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 7(46), 476-489.
- Fleming, N. D., & Mills, C. (1992). *Not another inventory, rather a catalyst for reflection*. To Improve the Academy, 11(1), 137-155.
- Hase, S., & Kenyon, C. (2001). *Moving from andragogy to heutagogy in vocational education*. In Proceedings of the Annual Conference of the Australian Vocational Education and Training Research Association (AVETRA), Adelaide
- Mada Wijaya Kusumah, M., Tatang Hidayat, T., Abas Mansur Tamam, A., & Ferli Septi Irwansyah, F. (2023). *The concept of Sirah education curriculum in junior high school according to Abu Al-Hasan Ali Al-Nadwi*. Islamic Research, 6(1), 1-14.
- Muslieh, N., Hussin, Z., Sulaiman, A. M., & Abd Latib, N. N. (2021). *Pendekatan Heutagogi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (P DPR) Menggunakan M-Pembelajaran*. Application of Heutagogy in Home-Based Learning Use of M-Learning.
- Mustafa Kamal, N. M., Hussin, Z., Sulaiman, A. M., Mohamed Salleh, S., & Mohamed Salleh, N. (2022). Teknik PBL dalam pengajaran pendidikan Islam ke arah memperkasakan pendekatan heutagogi. *International Journal of Education and Pedagogy*, 4(3), 49-64.
- Nidzamuddin Zakaria, N., Wan Nur Amirah Wan Mohd Suhaimi, W., Asna Bisyarah Abu Samah, A., & Nur E'zzati Mohd Asri, N. (2019). *Keberkesanan mata pelajaran Sirah Rasul di Sekolah Rendah Islam (SRI) IKRAM Musleh: Satu tinjauan di Negeri Sembilan*. Journal of Hadith Studies, 4(2), 77-88.
- Noor Muslieh Mustafa Kamal, Zaharah Hussin, Abdul Muhsien Sulaiman, Salbiah Mohamed Salleh, dan Norhana Mohamed Salleh. 2022. "Teknik PBL Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Ke Arah Memperkasakan Pendekatan Heutagogi." *International Journal of Education and Pedagogy*, 4(3), 49-64.
- Noraziah Mhd Yusop, N., Khadijah Abdul Razak, K., & Mohd Isa Hamzah, M. (2022). *Differentiated learning practices in teaching Sirah: A study in Selangor and Negeri Sembilan trust schools*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 12(6), 2078-2091.

- Putri, A. R., & Handayani, W. (2020). *Heutagogy: Self Efficacy, Self Determination, Self Directed, dan Self Regulated dalam Pembelajaran Online*.
- Talhah Ajmain, M. (2024). *Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pendidikan Sirah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di Malaysia*. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 9(2), 128-138.
- Talhah Ajmain, M., Ahmad Marzuki Mohamed, A., Aminudin Hehsan, A., Aminabibi Saidalvi, A., Badlihisham Mohd Nasi, B., Muhammad Sobri Faisal, M., & Fareed Awae, F. (2024). *Embedding higher order thinking skills in Islamic history (Sirah) education in Malaysia*. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*, 13(2), 952-959.
- Talhah Ajmain, M., Muhammad Faris Faisal Ahmad Raddi, M., & Nur Najwa Hanani Abd Rahman, N. (2024). *Cabaran pengajaran bidang Sirah bagi guru pelatih pendidikan Islam*. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6, 528-535.
- Zakiah Nur Harahap, Nurul Azmi, Wariono Wariono, Fauziah Nasution. (2023). *Motivasi, Pengajaran dan Pembelajaran*. *Journal on Education*, 5(3), 9258-9269.